

3767/1
EKONOMI
KERTAS 1
OKTOBER 2020
1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

PEPERIKSAAN
PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2020

EKONOMI
KERTAS 1

MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi **16** halaman bercetak


- 1 Ilmu ekonomi adalah kajian tentang
- A mengurus sumber ekonomi yang tidak terhad untuk membeli barangan yang terhad
 - B memperuntukkan sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad
 - C menggunakan sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - D melaksanakan sumber ekonomi yang tidak terhad untuk membeli barangan yang tidak terhad.
- 2 Usahawan menerima ganjaran untung kerana
- A menambah output
 - B sanggup menanggung risiko
 - C menguruskan kewangan syarikat
 - D membenarkan orang lain menguruskan untungnya
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan keutamaan pilihan tiga barang oleh Encik Fadli.

Pilihan pertama	Pilihan kedua	Pilihan ketiga
Baju RM100	Jam tangan RM160	Telefon bimbit RM250

Apakah kos lepas Encik Fadli jika beliau mempunyai wang sebanyak RM120?

- A Jam tangan
- B Telefon bimbit
- C Jam tangan dan baju
- D Jam tangan dan telefon bimbit

- 4 Rajah 1 menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) sebuah firma.




Rajah 1

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan KKP di atas?

- I Titik E menunjukkan tingkat kecekapan pengeluaran.
 - II Titik B ke C menunjukkan berlaku kos lepas terhadap seluar sebanyak 10 000 unit
 - III Titik ABCD menunjukkan masalah pilihan di sepanjang KKP
 - IV Titik F menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan seluar dan baju
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV
- 5 Masalah asas ekonomi apa yang hendak dikeluarkan diselesaikan oleh sistem ekonomi perancangan pusat melalui
- A** corak agihan pendapatan masyarakat
 - B** permintaan yang tinggi dalam pasaran
 - C** keperluan masyarakat yang berlandaskan hukum syariat
 - D** sistem catuan yang berlandaskan kepada keperluan masyarakat

- 6 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah benar menerangkan rajah di atas?

- A Kuantiti yang diminta pada harga RM 10 ialah 30 unit
 - B Hubungan antara harga dengan kuantiti yang diminta adalah secara langsung.
 - C Pengguna akan meningkatkan kuantiti diminta apabila harga berubah daripada RM10 kepada RM15
 - D Pengguna akan mengurangkan kuantiti diminta apabila harga berubah daripada RM15 kepada RM25
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan hubungan dua jenis barang.

Apabila harga barang S meningkat, kuantiti permintaan terhadap barang T juga meningkat.





Apakah barang S dan barang T ?

- A Bas dan petrol
- B Gula dan garam
- C Daging dan ikan
- D Mesin pencetak dan katrij dakwat


8 Maklumat yang berikut menunjukkan penentu permintaan bagi barang P.

- Harga barang P dijangka meningkat pada masa depan
- Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan

Kelak yang manakah menunjukkan perubahan permintaan bagi barang P



9 Rajah 3 menunjukkan perubahan dalam kuantiti ditawar.



Rajah 3

Apakah yang menyebabkan berlaku pergerakan dari Q_0 ke Q_1 ?

- A Kenaikan harga barang lain
- B Kenaikan harga barang itu sendiri
- C Penarikan subsidi oleh kerajaan
- D Berlaku peningkatan teknologi

- 10 Jadual 1 menunjukkan kuantiti penawaran seluar oleh tiga buah firma.

Harga (RM)	Firma R (helai)	Firma S (helai)	Firma T (helai)
20	100	120	140
22	120	140	160
24	140	160	180
26	160	180	200

Jadual 1

Jika kuantiti permintaan pasaran adalah 480 helai, berapakah harga keseimbangan pasaran?

- A RM20
 B RM22
 C RM24
 D RM26
- 11 Jadual 2 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.


Harga (RM)	Permintaan (unit)	Penawaran (unit)
30	44	12
60	34	18
90	24	24
120	14	32

Jadual 2

Apakah yang akan berlaku dalam pasaran sekiranya tingkat harga ialah RM60?

- A Lebihan penawaran
 B Lebihan permintaan
 C Keseimbangan pasaran
 D Kekurangan permintaan

- 12 Rajah 4 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah menerangkan perubahan keluk penawaran pasaran dari S_0S_0 ke S_1S_1 ?

	Harga keseimbangan	Kuantiti keseimbangan
A	meningkat	Menurun
B	menurun	Meningkat
C	menurun	Menurun
D	meningkat	Meningkat

- 13 Jadual 3 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
8	70
12	90

Jadual 3

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM8 ke RM12?

- A 0.57
- B 0.75
- C 0.80
- D 2.50


- 14 Maklumat berikut merujuk kepada nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang S dan M

	Barang S	Barang M
Nilai pekali keanjalan	1.4	0.6

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh peniaga untuk meningkatkan hasil jualan bagi setiap barang berikut?

	Barang S	Barang M
A	Naikan harga	Turunkan harga
B	Turunkan harga	Naikkan harga
C	Turunkan harga	Turunkan harga
D	Naikkan harga	Naikkan harga

- 15 Gambar 1 menunjukkan satu fungsi wang dalam ekonomi.



Gambar 1

Fungsi wang dalam gambar 1 ialah alat

- A ukuran nilai
- B penyimpanan nilai
- C bayaran tertunda
- D perantaraan pertukaran

- 16 Antara yang berikut, manakah merupakan fungsi bank pusat?
- A Menerima deposit
 - B Mengeluarkan mata wang
 - C Memberi pinjaman overdraf
 - D Menerima dan membuat bayaran
- 17 Gambar 2 menunjukkan kemudahan perbankan internet.



Gambar 2

Antara yang berikut, yang manakah benar tentang perkhidmatan tersebut?

- I Perkhidmatan boleh digunakan oleh semua orang
 - II Pelanggan bank boleh membuat pembayaran atas talian
 - III Boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja
 - IV Tidak semua bank perdagangan di Malaysia menawarkan perkhidmatan ini
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 18 Gambar 3 menunjukkan sejenis pekerjaan dalam sektor ekonomi.



Gambar 3

Antara yang berikut, yang manakah pekerjaan dari sektor yang sama?

- A Jurutera
 - B Pelukis pelan
 - C Ejen insurans
 - D Pemandu lori kontena
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pendapatan.

Semenjak kematian suaminya, Mak Cik Limah menerima bantuan zakat negeri setiap bulan.

- A Sewa
 - B Upah
 - C Untung
 - D Bayaran pindahan
- 20 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?
- I Mengelakkan inflasi
 - II Meningkatkan pendapatan
 - III Membolehkan individu membeli barang mewah
 - IV Membolehkan individu mendahulukan perbelanjaan yang penting
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 21 Maklumat di bawah berkaitan dengan pengeluaran sesuatu barang.

Kos berubah	: RM200
Kos purata	: RM10
Jumlah output	: 50 unit

Berapakah kos tetap?

- A RM20
 B RM200
 C RM300
 D RM700
- 22 Jadual 4 menunjukkan kos berubah bagi sebuah firma.

Output (unit)	Kos berubah (RM)
1	20
2	30
3	40
4	50

Jadual 4

Jika kos tetap ialah RM20, kos purata firma tersebut

- A semakin menurun
 B semakin meningkat
 C paling tinggi pada 4 unit output
 D paling rendah pada 1 unit output
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan rumus untung.

$$\text{Untung} = (T \times \text{kuantiti}) - Y$$

T dan Y ialah

- A harga dan kos tetap
 B harga dan jumlah kos
 C harga dan kos berubah
 D jumlah hasil dan jumlah kos

- 24 Gambar 4 menunjukkan projek pembangunan di Bandar A



Gambar 4

- Antara yang berikut, yang manakah kesan eksternaliti yang akan ditanggung oleh penduduk setempat?
- A Pencemaran alam sekitar
 - B Kekurangan barang awam
 - C Ketidakstabilan harga bahan mentah
 - D Jurang pendapatan masyarakat meningkat
- 25 Bagaimanakah pelaksanaan cukai oleh kerajaan dapat mengawal selia pengeluar?
- A Mengurangkan modal pengeluar
 - B Mengawal harga barang yang dijual
 - C Mengawal kualiti barang yang dikawal
 - D Mengawal kadar pencemaran dalam pengeluaran
- 26 Apakah kesan yang akan berlaku jika kadar inflasi meningkat daripada 1.2% kepada 2.0 %?
- I Peluang pekerjaan menurun
 - II Kuasa beli masyarakat meningkat
 - III Pendapatan benar masyarakat menurun
 - IV Nilai wang yang dipegang oleh masyarakat merosot
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 27 Maklumat berikut berkaitan jenis pengangguran.

Permintaan buruh bagi sesetengah sektor ekonomi mengalami kemerosotan

Pernyataan yang manakah menggambarkan sebab berlakunya masalah tersebut?

- A Peningkatan dalam gaji pekerja
 - B Isi rumah membuat kerja sambilan
 - C Terlalu bergantung kepada bidang pertanian
 - D Menggantikan penggunaan buruh kepada mesin dalam pengeluaran
- 28 Antara yang berikut, yang manakah merupakan cukai progresif?
- A Cukai perjudian
 - B Cukai pendapatan individu
 - C Cukai pendapatan syarikat
 - D Cukai barang dan perkhidmatan
- 29 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang perbelanjaan mengurus?
- I Puan Siti Hajar menerima pencen bulanan sebanyak RM2 500
 - II Kerajaan membesarkan pelabuhan perikanan di Tok Bali Kelantan
 - III Kementerian Pendidikan membina sebuah sekolah menengah di Kota Bharu
 - IV Encik Kumar yang bekerja sebagai pengawai polis menerima gaji setiap bulan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 30 Langkah kerajaan menurunkan kadar faedah dalam menangani kelembapan ekonomi dalam fasa pemulihan kesan COVID-19 telah memberi impak kepada pengguna kerana
- A kos pinjaman pengguna meningkat
 - B perbelanjaan pengguna dalam ekonomi meningkat
 - C pengguna akan mengurangkan jumlah pinjaman ke atas barangan mewah
 - D pengguna perlu menyediakan lebih wang semasa membuat perbelanjaan

- 31 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri syarikat multinasional?
- A Firma yang dimiliki oleh kerajaan sesebuah negara
 - B Firma besar yang mempunyai beberapa cawangan dalam negara
 - C Firma induk di negara asal mengawal operasi perniagaan semua cawangan di luar negara
 - D Firma cawangan dibenarkan mengawal operasi dan pengurusan perniagaan Syarikat
- 32 Pelaburan langsung asing memberi kesan yang positif kepada Malaysia kerana
- I meningkatkan debit imbalan pembayaran
 - II meningkatkan kadar pengangguran negara
 - III meningkatkan jumlah stok modal dalam negara
 - IV meningkatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 33 Pernyataan manakah menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa?
- A Mobiliti tenaga buruh terhad
 - B Lambakan barang-barang import
 - C Permindahan teknologi yang meluas
 - D Kebergantungan kepada sektor eksport
- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Petronas menyewa kapal tangki Jepun untuk mengeksport petroleum ke Korea Selatan

Pasangan manakah yang betul

	Eksport	Import
A	Eksport barang nampak	Import barang tak nampak
B	Eksport barang tak nampak	Import barang nampak
C	Eksport barang nampak	Import barang nampak
D	Eksport barang tak nampak	Import barang tak nampak

- 35 Jadual 5 menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan negara asing

Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Euro	4.9258	4.9795

Jadual 5

Seorang pelancong Itali ingin menukarkan 400 Euro kepada Ringgit Malaysia. Berapakah Ringgit Malaysia yang diterima olehnya?

- A** RM1315.88
B RM1596.00
C RM1991.80
D RM1970.32
- 36 Apakah kesan terhadap eksport dan import Malaysia sekiranya kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia menurun?
- A** Jumlah import Malaysia meningkat
B Harga barang eksport lebih murah
C Permintaan Ringgit Malaysia menurun
D Imbangan dagangan bertambah buruk

Soalan 37 hingga **soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37 I Barang mewah adalah permintaan tak anjal.
II Barang yang banyak pengganti adalah permintaan tak anjal.
- 38 I Jumlah kos diperolehi dengan menjumlahkan kos tetap dan kos berubah.
II Jumlah kos adalah sama dengan kos tetap pada output sifar.
- 39 I Kos eksplisit ialah kos yang tidak dibayar dengan tunai.
II Kos eksplisit ialah bayaran input pengeluaran yang dimiliki sendiri.
- 40 I Kerajaan melaksanakan dasar harga dan kuota dengan tujuan untuk mengawal harga pasaran supaya rakyat mampu membeli di samping tidak merugikan pengeluar.
II Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan merupakan akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan yang mula dikuatkuasa pada tahun 2011.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT